

PHARMANIAGA GERMACID CREAM

Fusidic Acid (2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Germacid Cream
2. Bagaimana Pharmaniaga Germacid Cream berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Germacid Cream
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Germacid Cream
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Germacid Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Germacid Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Germacid Cream

Pharmaniaga Germacid Cream mengandungi antibiotik (*fusidic acid/sodium fusidate*). Antibiotik digunakan untuk merawat jangkitan kulit.

Antara jangkitan kulit adalah:

- *Impetigo* - jangkitan kulit berjangkit dengan lepuh atau bintik merah
- Jangkitan pada luka
- Jangkitan ekzema
- Jangkitan akibat sentuhan kulit

Bagaimana Pharmaniaga Germacid Cream berfungsi

Pharmaniaga Germacid Cream mengandungi antibiotik yang membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan kulit. Pharmaniaga Germacid Cream hanya berkesan terhadap bakteria yang dapat dibunuh oleh *fusidic acid* atau *sodium fusidate*.

Sebelum mengambil Pharmaniaga Germacid Cream

-Bila tidak boleh digunakan

Jangan gunakan krim ini jika anda alah kepada *fusidic acid* atau *sodium fusidate* atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam krim ini seperti yang disenaraikan di akhir risalah ini.

Jangan gunakan krim ini sekiranya ia melebihi tarikh luput seperti yang tercetak pada label.

-Sebelum anda mula menggunakan

Beritahu doktor anda jika:

- anda mempunyai alahan kepada *fusidic acid* atau *sodium fusidate* atau bahan-bahan yang terkandung dalam krim ini.
- anda hamil atau merancang untuk hamil.
- anda menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubat lain, termasuk mana-mana yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Pharmaniaga Germacid Cream

Krim ini hanya untuk kegunaan luar sahaja. Elakkan daripada tersentuh mata.

Sentiasa gunakan seperti yang telah diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Dapatkan kepastian dari doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan tentang cara menggunakan krim ini.

-Berapa banyak yang harus digunakan

Doktor anda akan menasihati anda berapa banyak yang perlu digunakan setiap hari, dan berapa lama anda perlu menggunakannya.

Sapukan kepada kawasan yang terjejas dua hingga tiga kali sehari selama 7 hari. Ia boleh digunakan dengan atau tanpa pelapis.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan dengan teliti dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan dengan teliti dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda

-Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

-Jika mengambil dos berlebihan

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda jika anda merasakan anda atau sesiapa mungkin mengambil sejumlah besar krim ini

Sekiranya anda secara tidak sengaja menggunakan Pharmaniaga Germacid Cream terlalu banyak, lapkan lebihan daripada yang sepatutnya.

Semasa menggunakan Pharmaniaga Germacid Cream

-Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan krim ini seperti yang ditetapkan oleh doktor anda.

Basuh tangan anda sebelum dan selepas menggunakan krim ini.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga Germacid Cream.

-Perkara yang tidak boleh lakukan

Jangan berikan Pharmaniaga Germacid Cream kepada sesiapa sahaja walaupun gejala mereka sama seperti anda. Jangan gunakan krim ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan atas arahan doktor atau ahli farmasi. Elakkan krim ini daripada masuk ke dalam mata anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya kerengsaan/iritasi atau tindak balas alahan berlaku, berhenti menggunakannya dan sila rujuk kepada doktor anda.

Rintangan bakteria dilaporkan kesan daripada penggunaan lanjutan dan berulang dengan meningkatkan risiko respons yang sebelum ini anda tidak pernah mengalaminya dan menyebabkan rintangan antibiotik.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Pharmaniaga Germacid Cream boleh menyebabkan kesan sampingan tetapi tidak semestinya semua orang mengalaminya.

Rujuk doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan selepas menggunakan krim ini.

Pharmaniaga Germacid Cream lazimnya diterima dengan baik dan tidak menyebabkan apa-apa kesan sampingan yang serius. Walau bagaimanapun, rasa pedih dan kerengsaan sederhana mungkin berlaku dalam masa yang singkat selepas penggunaan. Sekiranya anda mengalami kerengsaan kulit yang berlarutan atau apa-apa kesan sampingan yang lain, beritahu ahli farmasi atau doktor anda dan tanya jika anda perlu meneruskan penggunaan krim ini.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di sesetengah pesakit. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab apa-apa soalan yang anda ada.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my

[Consumers → Reporting Side Effects to Medicinal (ConSERF) / Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Germacid Cream

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan dalam bekas tertutup rapat. Lindungi dari cahaya.

Jangan gunakan krim ini selepas tarikh luput seperti yang dicetak pada pembungkusan produk. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

Jauhkan krim ini dari jauh dan jangkauan kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk

melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih

-Bahan-bahan kandungan:

-Bahan aktif:

Setiap gram krim mengandungi Fusidic Acid 2%w/w

-Bahan tidak aktif:

Cetomacrogol, White Soft Paraffin, Cetostearyl Alcohol, Dimethicone, Liquid Paraffin, Purified Water, Disodium hydrogen phosphate dihydrate, Chlorocresol

-Nombor MAL

MAL20000077AZ

Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (200401023395),
Lot 24 & 25 Jalan Perusahaan Lapan,
Bakar Arang Industrial Estate,
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

28/11/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)230718/00212